



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

11 Jamadilawal 1443 / 16 Disember 2021

1. Pada hari ini, Khamis 11 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 16 Disember 2021, sebanyak **4 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,376 orang**.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **3,913 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.1%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes adalah dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes adalah dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan dirawat di Unit Rawatan Intensif).
 - Sementara itu, tidak ada kematian yang dikaitkan dengan COVID-19 telah dicatatkan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. **12 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,058 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **218 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **4.9%**.
4. Sehingga kelmarin, 15 Disember 2021, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.3%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **91.3%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **4.6%**.
5. Sementara itu, bersempena dengan dua Hari Kelepasan Awam yang akan menjelang iaitu Hari Krismas pada 25 Disember 2021 dan Awal Tahun Masihi 2022, Kementerian Kesihatan ingin mengumumkan penutupan pusat-pusat swab dan vaksinasi semasa kedua-dua Hari Kelepasan Awam tersebut. Penutupan ini akan melibatkan kesemua Pusat-Pusat Vaksinasi dan Pusat-Pusat Swab termasuk Pusat Swab Kompleks Sukan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SPOC), Pusat Swab Pandu Lalu di Dewan Bridex, Jerudong dan Pusat Swab Pandu Lalu Pusat Insani, Seria. Walau bagaimanapun, perkhidmatan swab pada kedua-dua Hari Kelepasan Awam tersebut masih boleh

diperolehi di Pusat Kesihatan Berakas dari jam 2 petang sehingga 9 malam dan di Pusat SARI, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dari jam 7.30 pagi sehingga 7.30 malam.

6. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 3 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kesemuanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
7. Patuhi garispanduan-garispanduan semasa Fasa Endemik bagi keselamatan dan kesejahteraan kita semua. Semoga segala usaha yang telah dilaksanakan akan mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 11 Jamadilawal 1443H / 16 Disember 2021